

PERATURAN PELAJAR MRSM PDRM

| Bil | Jenis Pakaian | Kod Pakaian | |
|--------------------------------|-------------------------------------|---|--|
| | | Lelaki | Perempuan |
| 1. | Pakaian Rasmi | Baju kemeja lengan panjang warna 'peach' muda, tali leher maktab, seluar panjang warna coklat, kasut kulit / PVC warna hitam, stoking melepas buku lali warna hitam dan tanda nama. Tidak dibenarkan memakai baju di bahagian dalam kecuali singlet. Tali pinggang berwarna hitam / coklat. | Baju kurung warna 'peach' muda, kain kurung warna coklat, kasut kulit / PVC warna hitam, stoking melepas buku lali warna hitam dan tanda nama. |
| 2. | Pakaian Pilihan | Baju kemeja lengan panjang warna biru muda, tali leher maktab, seluar panjang warna biru tua, kasut kulit / PVC warna hitam dan stoking melepas buku lali warna hitam. Tidak dibenarkan memakai baju di bahagian dalam kecuali singlet. Tali pinggang berwarna hitam dan coklat. | Baju kurung warna biru muda, kain kurung warna biru tua, kasut kulit / PVC warna hitam dan stoking melepas buku lali warna hitam. |
| 3 | Pakaian pada setiap hari KHAMIS | Baju batik maktab | Baju batik maktab |
| 4 | Pemakaian sukan dan Permainan | 'Tight' bawah lutut dan seluar pendek atau 'track bottom' warna gelap. Baju T rumah sukan atau baju T tanpa cetak. Kasut sukan dan stoking. | 'Track bottom' warna gelap, baju T rumah sukan atau baju T tanpa cetak berlengan panjang. Kasut sukan dan stoking. |
| 5 | Pakaian Aktiviti Kokurikulum | Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau baju T berkollar tanpa cetak, berseluar panjang, kasut sukan dan stoking. | Mengikut pakaian seragam yang ditetapkan atau baju kurung dan kain warna bebas atau baju T berkollar berlengan panjang tanpa cetak, 'track bottom' warna gelap, kasut dan stoking. |
| 6 | Pakaian Pendidikan Jasmani | Baju T berkollar warna putih / baju rasmi PJK, 'track bottom' warna hitam / biru gelap, kasut sukan dan stoking putih. | Baju T berkollar warna putih berlengan panjang / baju rasmi PJK, 'track bottom' warna hitam / biru gelap, kasut sukan dan stoking putih. |
| 7 | Pakaian Waktu Prep (petang) | Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju T berkollar atau baju kemeja dengan seluar panjang 'slacks', kasut dan stoking. Baju dimasukkan ke dalam seluar / 'tight in'. | Pakaian rasmi atau pakaian pilihan maktab atau baju kurung warna bebas, kasut dan stoking. |
| 8 | Pakaian Waktu Prep (Malam) | Baju Melayu sepasang atau baju kemeja dan seluar 'slacks' (bagi pelajar bukan Islam), kasut dan stoking atau sandal bertali. | Baju kurung warna bebas, kasut dan stoking atau sandal, tudung berwarna hitam, berbentuk segi tiga di hadapan dan belakang serta dijahit di depan (bercantum). |
| 9 | Pakaian 'Outing' | Pakaian rasmi atau baju <i>outing</i> serta seluar panjang warna gelap, kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama. Tidak dibenarkan memakai baju di bahagian dalam kecuali singlet. | Pakaian rasmi atau pakaian pilihan atau baju <i>outing</i> maktab serta kasut kulit atau PVC warna hitam, stoking hitam dan tanda nama. |
| 10 | Tutup Kepala | Songkok baldu berwarna hitam | Tudung berwarna putih / hitam, berbentuk segi tiga di hadapan dan belakang serta dijahit di depan (bercantum). |
| 11 | Pakaian Sembahyang Jumaat | Baju Melayu warna putih, sampin rasmi maktab, songkok baldu warna hitam. Kasut hitam atau sandal bertali | |
| Masa Lawatan dan Outing | | | |
| 12 | Waktu dibenarkan 'outing' / melawat | Jumaat : 2.45 petang - 6.00 petang Sabtu : 11.00 pagi - 6.00 petang Ahad / Kelepasan Am : 11.00 pagi - 6.00 petang | |